

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)80

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

80. Tapak Ekspo Seberang Jaya telah menjadi amat sinonim dengan pelbagai penganjuran program-program kebudayaan, pertanian termasuk menjadi kemudahan kepada masyarakat setempat untuk menyewa fasiliti berkenaan, melihat kepada keadaan tapak ekspo pada hari ini, keadaannya amatlah menyedihkan. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan semula tanah di tapak ekspo ini?

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

80. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedang menyediakan beberapa opsyen pelan 'rejuvenasi' bagi Tapak Ekspo Seberang Jaya bagi memastikan pelaksanaan yang terbaik bagi kawasan ini. Kajian dan perancangan peringkat awalan sedang dilakukan. Pada masa yang sama, pihak PDC juga sedang terlibat dengan beberapa perbincangan dan penelitian bersama pemaju dan pelabur yang berpotensi untuk tujuan tersebut.